

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 16.3.2016

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keseriusan Kerajaan Malaysia berpegang kepada keputusan Jemaah Menteri yang memutuskan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dimansuhkan dan apakah kerelevanan pelaksanaan program Dual Language Program (DLP) dilaksanakan setelah melihat ianya mirip dengan PPSMI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) adalah dasar yang dilaksanakan di semua sekolah dan telah dimansuhkan melalui tempoh peralihan dasar dengan pendekatan *soft-landing*. Sebaliknya *Dual Language Programme* (DLP) pula adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Melalui program ini, sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang ditetapkan diberi pilihan untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik dan Sains. Bagi tujuan tersebut, sekolah yang berhasrat melaksanakan DLP perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut, iaitu:

- i) sumber yang mencukupi;
- ii) kesediaan Pengetua atau Guru Besar dan guru untuk melaksanakan DLP;
- iii) permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
- iv) pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan

RJM22